



JABATAN TENAGA KERJA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PENENTUAN KETUA PENGARAH TENAGA KERJA  
BERHUBUNG POTONGAN PENDAPATAN,  
TIP DAN GANJARAN PEKERJA GIG  
DI BAWAH SUBSEKSYEN 12 (1)  
AKTA PEKERJA GIG 2025 [AKTA 872]

JTK GIG S12-1/2026

31 MAC 2026

DISIARKAN OLEH

JABATAN TENAGA KERJA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**PENENTUAN KETUA PENGARAH TENAGA KERJA  
BERHUBUNG POTONGAN, PENDAPATAN TIP DAN GANJARAN PEKERJA  
GIG DI BAWAH SUBSEKSYEN 12(1)  
AKTA PEKERJA GIG 2025 [AKTA 872]**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(1) Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872], Ketua Pengarah Tenaga Kerja menentukan perkara-perkara yang dibenarkan untuk potongan terhadap pendapatan pekerja gig seperti berikut:

1. Potongan-potongan yang dibenarkan atas persetujuan pekerja gig dan entiti kontrak di dalam perjanjian perkhidmatan:
  - a. Potongan bagi penyelarasan pendapatan (tidak termasuk penalti, denda atau hukuman yang berbangkit daripada salah laku pekerja gig); dan
  - b. Potongan bagi fi pengurusan yang dikenakan oleh entiti kontrak ke atas pekerja gig bagi tujuan menyediakan aplikasi atau sistem tempahan, menghubungkan pelanggan dengan pekerja gig dan pengurusan operasi.
2. Potongan-potongan yang dibenarkan atas permintaan secara bertulis daripada pekerja gig:
  - a. Potongan pembelian kenderaan/perkakasan bagi tujuan menjalankan perkhidmatan yang akan diberikan oleh pekerja gig;
  - b. Potongan bagi tujuan penyewaan kenderaan/perkakasan daripada entiti kontrak;
  - c. Potongan bagi tujuan pembelian insurans nyawa/kemalangan/kesihatan/ kenderaan pekerja gig;
  - d. Bayaran balik bagi pendahuluan (*advance*) yang diberikan kepada pekerja gig dengan syarat tiada kenaan faedah;

- e. Potongan bagi pembayaran yuran pendaftaran/bulanan/tahunan persatuan pekerja gig; dan
  - f. Potongan bagi pembelian saham perniagaan entiti kontrak;
3. Lain-lain potongan hendaklah atas permintaan bertulis daripada pekerja gig dan dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah Tenaga Kerja.
4. Had potongan pendapatan yang dibenarkan adalah seperti berikut:
- a. Jumlah keseluruhan potongan pendapatan, tip dan ganjaran ditetapkan hendaklah tidak melebihi 50 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan berdasarkan tempoh yang telah dipersetujui di bawah perjanjian perkhidmatan.

#### **Ilustrasi A**

Pendapatan dari tempoh 1hb Jun - 7hb Jun 2025, RM600.00

Tip dan ganjaran dari tempoh 1hb Jun - 7hb Jun 2025, RM200.00

Jumlah keseluruhan pembayaran RM800.00

Potongan maksimum dibenarkan adalah  $RM600.00 \times 50\% =$   
**RM300.00**

#### **Ilustrasi B**

Pendapatan dari tempoh 1hb Jun - 30hb Jun 2025, RM2,000.00

Tip dan ganjaran dari tempoh 1hb Jun - 30hb Jun 2025, RM400.00

Jumlah keseluruhan pembayaran RM2,400.00

Potongan maksimum dibenarkan adalah  $RM2,000.00 \times 50\% =$   
**RM1,000.00**

- b. Apa-apa potongan dalam mana-mana tempoh pendapatan yang melebihi 50 peratus hendaklah atas permohonan bertulis pekerja gig dan mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah Tenaga Kerja terlebih dahulu. Permohonan hendaklah dibuat oleh entiti kontrak dengan menggunakan borang yang dilampirkan.

**KAMAL BIN PARDI  
KETUA PENGARAH**